

Nota Penting

1. Sekiranya Orang yang Dilindungi membunuh diri semasa waras dalam masa setahun (1) dari Tarikh Sijil Dikeluarkan atau sebarang tarikh pengembalian semula Sijil, Etiqa Takaful Berhad akan memulangkan jumlah sumbangan yang telah dibayar.
2. Walau bagaimanapun, Orang yang Dilindungi hanya berhak ke atas 60% daripada Jumlah Perlindungan sekiranya dia membunuh diri semasa waras selepas setahun (1) dari Tarikh Sijil Dikeluarkan atau sebarang tarikh pengembalian semula Sijil.
3. Etiqa Takaful Berhad tidak akan melindungi sebarang ketidakupayaan yang disebabkan oleh peperangan, kesalahan undang-undang oleh Orang yang Dilindungi atau penglibatan di dalam sukan berbahaya.
4. Peserta akan diberi tempoh tangguh sehingga tiga puluh satu (31) hari dari tarikh akhir sumbangan perlu dibuat. Namun begitu, sekiranya sumbangan tidak dibayar selepas tempoh tangguh berakhir, Sijil ini akan ditamatkan.
5. Sijil ini melayakkan Peserta mendapat pengecualian cukai tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Risalah ini hanya sebagai rujukan dan tidak boleh diambil kira sebagai kontrak atau undangan untuk mengambil bahagian. Etiqa Takaful Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
6. Anda perlu memahami Pelan ini dengan baik bagi memastikan ia memenuhi keperluan anda sebaik-baiknya dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah Sijil ini mengikut kemampuan anda.
7. Pada tarikh penamatan, matang atau tamat tempoh Sijil, semua manfaat di bawah Pelan ini akan luput.
8. Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Ia adalah penting untuk menyimpan setiap resit yang telah anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.
9. Anda mempunyai hak untuk mengembalikan Sijil ini bersama dengan arahan bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari selepas Sijil diterima oleh anda, atas apa jua sebab. Jika dikembalikan Sijil ini akan dianggap terbatal dari permulaan dan apa-apa Sumbangan yang telah dibayar akan dibayar balik kepada anda, tolak sebarang kos pemeriksaan perubatan yang ditanggung.
10. Sila ambil perhatian bahawa untuk tujuan menentukan tempoh lima belas (15) hari, Sijil ini akan dianggap sebagai telah dikembalikan kepada kami pada tarikh kami menerima Sijil ini jika dihantar sendiri atau pada tarikh penghantaran pos jika Sijil ini dihantar melalui pos berdaftar atau pada tarikh transmisi jika Sijil ini dihantar secara elektronik.
11. Manfaat dan/atau pulangan pelaburan di bawah Pelan ini adalah mengikut prestasi Dana dan tidak dijamin. Risiko Dana akan ditanggung sepenuhnya oleh Peserta dan manfaat yang dinikmati mungkin kurang daripada jumlah sumbangan yang dibuat kepada Dana Pelaburan Peserta.
12. Sila pastikan bahawa anda merujuk kepada Ilustrasi Pemasaran berkaitan Sijil yang disediakan untuk anda oleh Etiqa Takaful Berhad.



ETB/FTA/PRNSMA/042015/BM/GST

Etiqa Online 1300 13 8888
www.etiqa.com.my

 www.facebook.com/etiqa

Etiqa Takaful Berhad (266243D)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)
Level 19, Tower C, Dataran Maybank
No 1, Jalan Maarof, 59000 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2297 3888 F +603 2297 3800

Diunderait oleh:
eTiqa
Takaful

Ahli Kumpulan 

eTiqa
Takaful

Prisma Pelan Perlindungan Untuk Keluarga Anda.



Lindungi Keluarga Anda Daripada yang Tidak Diduga

Tiada yang lebih penting daripada keluarga. Sebagai suami-isteri dan ibu bapa yang bertanggungjawab, anda pasti menyimpan untuk masa depan keluarga yang lebih terjamin. Namun begitu, jumlah yang disimpan mungkin tidak mencukupi untuk mereka sekiranya sesuatu yang tragis menimpa anda.

Statistik membuktikan bahawa kemalangan berlaku setiap 60 minit*. Tiada siapa yang boleh meramal masa depan tetapi anda boleh memastikan masa depan keluarga anda terjamin. Kami memastikan yang anda dan mereka yang anda sayangi dilindungi sebaiknya dengan sumbangan yang anda mampu.

Sumber: * Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan, 2013.



Menjamin Masa Hadapan Kewangan Keluarga Anda

Prisma membantu menjamin kewangan masa depan keluarga anda dengan memberi perlindungan kewangan yang mencukupi, dengan sumbangan serendah RM50.00 sebulan.

Pada saat yang tidak diduga, keluarga anda akan menerima kesemua Jumlah yang Dilindungi bagi meringankan beban kewangan mereka.

Asas Kontrak

Pelan ini adalah berasaskan konsep Tabarru', di mana Peserta bersetuju menyumbang atau menderma jumlah tertentu ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) bagi tujuan membantu antara satu sama lain di saat memerlukan.

Pelan ini juga mengaplikasikan konsep Wakalah, di mana Peserta melantik Etiqa Takaful Berhad bagi mewakili pihak Peserta untuk menguruskan DRP. Fi Wakalah dibayar kepada kami untuk menanggung kos pengurusan dan pagedaran Pelan ini.

Fi Wakalah adalah bergantung kepada tahun Sijil dan tempoh sumbangan yang dipilih. Sila rujuk kepada Ilustrasi Pemasaran untuk maklumat lanjut.

Sumbangan ditolak fi Wakalah disalurkan ke dalam DRP. Lebihan pengunderaitan hasil daripada DRP, akan diagihkan mengikut dasar lebihan yang telah diluluskan oleh jawatankuasa Syariah kami. 50% daripada sebarang lebihan agihan akan dikongsi di antara Peserta-peserta yang Sijilnya masih berkuat kuasa dan tidak membuat sebarang tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi dibayar kerana mengendali dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Ju'alah. Ju'alah adalah kontrak upah yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan.

Perkongsian lebihan yang diagihkan kepada Peserta adalah terkumpul dalam Dana berasingan. 85% dari keuntungan Dana berasingan akan dikongsi di kalangan Peserta-peserta, di mana Sijilnya masih berkuat kuasa dan baki 15% akan dibayar kepada kami berasaskan kontrak Mudarabah. Mudarabah adalah kontrak persetujuan bersama di antara kami dan Peserta untuk keuntungan pelaburan atau kerugian.

Dana berasingan tersebut akan dibayar bersama dengan manfaat, pada tarikh tamat tempoh Sijil, atau apabila diminta oleh Peserta pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh Sijil dengan syarat amaun yang diminta adalah sekurang-kurangnya RM500.

Jika amaun mana-mana jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil ini kurang daripada RM10, kami akan mengkreditkan jumlah tersebut ke dana kebajikan, yang akan digunakan sebagai Amal Jariah bagi pihak Peserta.

Ciri-Ciri Utama

Had Kelayakan Umur*	Umur minima: 19 tahun Umur maksima: 60 tahun
Had Umur Matang*	Umur maksima: 88 tahun
Perlindungan Manfaat*	• Kematian (mengikut terma Takaful atau sehingga berumur 88 tahun) • Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (mengikut terma Takaful atau sehingga berumur 65 tahun)
Jumlah yang Dilindungi	Jumlah yang Dilindungi minima: RM10,000.00 (tertakluk kepada sumbangan minima) Jumlah yang Dilindungi maksima: tertakluk kepada persetujuan
Sumbangan Minima	RM50.00 bulanan atau RM600.00 tahunan
Tempoh yang Ditawarkan	10 tahun ke atas
Kaedah Pembayaran	Bulanan, suku tahunan, setengah tahunan atau tahunan

*Umur pada hari lahir akan datang

Yuran Prestasi daripada Lebihan di dalam Dana Risiko Peserta dikongsi di antara Peserta (50%) dan Etiqa Takaful Berhad (50%).

Tambah Nilai Pelan Anda

Sekiranya anda ingin menambah nilai Prisma dengan lebih perlindungan dan kelonggaran, hanya pilih antara rider berikut:

- 1 Rider Manfaat Kematian dan Kecacatan Akibat Kemalangan
- 2 Rider Penyakit Kritikal
- 3 Rider Pengecualian Sumbangan untuk Penyakit Kritikal
- 4 Rider Indemniti Kemalangan
- 5 Rider Manfaat Tunai Hospital
- 6 Ultra Medic Rider

Pengecualian

Kami tidak akan membayar Manfaat HUMK atau mengetepikan apa-apa Sumbangan jika HUMK berlaku disebabkan oleh:

1. Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah, rusuhan, kekecohan awam, penderhakaan tentera, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau apa-apa operasi perang, tindakan musuh luar, apa-apa tindakan keganasan dan perang kimia.
2. Terlibat dalam apa-apa sukan atau hobi berbahaya seperti (tetapi tidak terhad kepada) perlumbaan kuda berhalang, polo, berlumba kuda, menyelam bawah air, berburu, perlumbaan kenderaan bermotor, mendaki gunung atau aktiviti kembang-gua.
3. Penyertaan dalam apa-apa bentuk penerbangan (kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal dalam perjalanan biasa yang dikendalikan oleh sistem penerbangan komersil), atau sukan udara seperti (tetapi tidak terhad kepada) terjun udara, sukan payung terjun, terjun bungee, luncur gantung dan aktiviti menaiki belon.
4. Kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri atau cubaan bunuh diri, ketika siuman atau tidak siuman.
5. Kecederaan atau penghospitalan akibat penagihan dadah, atau semasa di bawah pengaruh alkohol.
6. Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV), Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) dan apa-apa keadaan yang berkaitan dengan AIDS.
7. Melakukan atau cuba melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang.